

LAPORAN TAHUNAN 2016

PLANMalaysia@Pulau Pinang
(Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang)



2016

PLANMalaysia@Pulau Pinang
(Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang)

1. PENDAHULUAN Maka Sarai i-iv

- Editorial
- Isi Kandungan
- Sekapur Sireh

2. STRATEGI KORPORAT Maka Sarai 1-6

- Misi • Visi • Moto • Objektif
- Piagam Pelanggan • Pelan Strategik PLANMalaysia@Pulau Pinang
- Teras Strategik Jabatan • Budaya Kerja

3. STRUKTUR ORGANISASI JABATAN Maka Sarai 7-14

- Fungsi Jabatan • Struktur Organisasi Utama
- Perjawatan • Struktur Organisasi Bahagian-Bahagian
- Bahagian Kawalan Pembangunan & ICT • Bahagian Korporat & Lembaga Rayuan
- Bahagian Rancangan Pembangunan & Projek Khas • Bahagian Pengurusan & Pentadbiran

4. PENGURUSAN KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA Maka Sarai 15-24

- Prestasi Kewangan • Pengurusan Sumber Manusia
- Pengurusan Latihan Dan Penerimaan
- Persaraan Dan Pertukaran • Penganugerahan

5. PENCAPAIAN JABATAN Maka Sarai 25-55

- 5.1 Perancangan Korporat Jabatan
- 5.2 Pengurusan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang
- 5.3 Penyediaan Dan Pemantauan Rancangan Pemajuan
- 5.4 Kawalan Dan Khidmat Nasihat Perancangan
- 5.5 Sistem Maklumat Guna Tanah Negeri dan ICT
- 5.6 MURNInets

6. AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2016 Maka Sarai 56-88

- Seminar Lembaga Rayuan Dan Pelancaran e Rayuan Negeri Pulau Pinang • Program Ramah Mesra Ketua Pengarah PLANMalaysia
- Konvoi PLANMalaysia Pulau Pinang Ke Cameron Highland • Simposium 4th. Annual Township Development Di Goodwood Park Hotel, Singapura, 16-17 Mac 2016 • Program Penanaman Semula Pokok Bakau • Lawatan kerja ke PLANMalaysia Negeri Sembilan • Lawatan Kerja Pegawai PLANMalaysia Melaka dan Kerajaan Melaka Ke Pulau Pinang • Lawatan kerja PLANMalaysia ke Jabatan Warisan, MPT
- Sambutan Maulidur rasul 14/37/2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang • Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang, Vision Park, Bertam • Lembaga Rayuan-Program Perambahbaikan Dan Penyelenggaraan Aplikasi e- Rayuan
- Lawatan MP Alor Gajah • Lawatan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) • Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan, Sungai Petani Inn, Kedah • Bengkel Kajian Semula RSN PP 2020 • Publisiti Laporan Tinjauan Kajian Semula RSNPP 2020 • Hari Inovasi PLANMalaysia 2016 • Hari Inovasi Pulau Pinang 2016 • Program Team Building • Perbarisan Hari Kemerdekaan ke 59
- Perarakan Maulidur Rasul 14/38/2016 • Rumah Terbuka PLANMalaysia@ Pulau Pinang • •Family Happy Butarey
- Konvoi Bermotosikal Krabi, Thailand • Pertandingan Boling PLANMalaysia@Pulau Pinang



EDITORIAL

Penasihat

DATO' HAJI MOHD ANUAR BIN MAIDIN

Pengarang

ENCIK BASRI BIN BASIR

ENCIK MOHD SHUHAIDI BIN MAT ISA

Editor

PUAN RAKIAH BINTI LAIDIN

Pereka Grafik

ENCIK MUHD ROSLAN BIN MD SIDEK

Bahan Dan Foto

ENCIK FARID BIN HASHIM

ENCIK MOHD ZAKI BIN MOHD NOR

PUAN SRI RANJINI A/P AWALI

ENCIK MOHD ANUAR BIN RAWI

ENCIK MOHD FARIS BIN AHMAD NAHAR

PUAN NOR AMALINA BINTI AUZIR

ENCIK LOH YOON SANG

ENCIK AZWARI BIN ISMAIL

ENCIK ZUHRAMRI BIN ZAMRI

PUAN NORHIDAYAH BINTI ILYAS

ENCIK MOHD KHAIRI BIN MAT YASIN

SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah. Laporan Tahunan Jabatan yang memperihalkan kegiatan dan aktiviti jabatan yang berlangsung di sepanjang tahun 2016 telah berjaya dihasilkan.

Tahun 2016 merupakan titik transformasi Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Pulau Pinang kepada PLANMalaysia@Pulau Pinang dan dipromosikan di bawah *tagline* baru *Planning Beyond Conventional*. *Tagline* ini bakal menjadi pemangkin kepada peningkatan dan peluasan skop peranan dan tanggungjawab jabatan seiring dengan keperluan dan cabaran semasa ke arah globalisasi. Arus perubahan ini juga selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mengemaskini dasar-dasar perancangan bandar termasuk merencanakan dasar-dasar baru perancangan supaya lebih *compatible* dengan permintaan dan perancangan semasa.

Laporan Tinjauan Kajian semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (dikenali dengan Derat RSNPP 2030) telahpun dipublikiti mulai 1 Disember 2016 sehingga 31 Januari 2017. Sebelum itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk mewartakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bukit Bendera (Pulau Pinang), RKK Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT) dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan Tapak Warisan Dunia George Town (Pulau Pinang) pada 1 September 2016. Ia disusuli dengan kelulusan dan pengwartaan dokumen Peraturan-Peraturan Warisan Negeri Pulau Pinang, 2016.

Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang sekali lagi melakar sejarah apabila PLANMalaysia@Pulau Pinang secara rasminya melancarkan Aplikasi sistem e-Rayuan bertepatan dengan perkembangan teknologi semasa dan input maklumat secara *on-line*, maka PLANMalaysia@Pulau Pinang telah berjaya membangunkan Aplikasi Sistem e-Rayuan dan ianya boleh dilayari melalui <http://erayuan.penang.gov.my>

Keterujaan agensi luar untuk mengenali PLANMalaysia@Pulau Pinang khususnya pelaksanaan Lembaga Rayuan telah menarik minat beberapa jabatan dan agensi negeri dan pusat untuk mendekati lebih mendalam dari segi modus operandi dan inovasi yang dibangunkan. Antaranya dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan beberapa agensi Kerajaan Negeri di seluruh Malaysia.



Bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia, PLANMalaysia@Pulau Pinang dengan kerjasama Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) Cawangan Utara pada 3 Disember 2016, telah menganjurkan program 'Make a Pledge, Plant a Tree' di Vision Park, Kepala Batas. Program ini berjaya membawa organisasi, komuniti dan individu bersama-sama menanam pokok dan menghijaukan lagi taman-taman awam dengan lebih teduhan dan kesejahteraan rakyat selaras dengan slogan kerajaan negeri iaitu "Cleaner, Greener, Safer, Healthier Penang".

PLANMalaysia@Pulau Pinang sentiasa melihat ke hadapan (*looking forward*) untuk menjenama dan memperkasakan semua aspek pengurusan jabatan. Alhamdulillah, Sempena Sambutan Hari Audit 1 Malaysia Tahun 2016 bertema "Peranan Juruaudit Dalam Menjayakan Matlamat Pembangunan Kelestarian Negara" pada 22 Ogos 2016, PLANMalaysia@Pulau Pinang telah terpilih untuk memenangi Sijil Kecemerlangan Pengurusan Kewangan 5 bintang.

Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan syabas kepada semua Warga PLANMalaysia@Pulau Pinang yang sentiasa teruja dan bersemangat lagi berurusan dalam setiap program dalaman dan luaran jabatan sepanjang tahun 2016. Juga kepada pihak Kerajaan Negeri, jabatan dan agensi seterusnya pihak-pihak berkuasa tempatan yang terus memberikan sokongan dan kerjasama yang amat baik kepada jabatan sepanjang tahun 2016.

Sekian. Terima kasih.

Dato' TPr. Hj. Mohd Anuar bin Maidin
Pegarah PLANMalaysia@Pulau Pinang





STRATEGIK KORPORAT

Objektif

- Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negeri dan negara.
- Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras kemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa dan akta-akta berkaitan.
- Untuk menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan.
- Untuk memastikan pekhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang.



Misi Selaras dengan itu, PLANMalaysia@Pulau Pinang menekankan kepada pencapaian 'Misi' dan 'Visi' seperti berikut:

Menjadikan PLANMalaysia sebagai agensi peneraju dalam Mempromosikan Kecemerlangan Perkhidmatan Perancang Bandar dan Desa di Malaysia.

Visi Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Manusia Yang Berkualiti dan Mampu Selaras Dengan Ciri-ciri Sosio-Budaya Masyarakat Tempatan Malaysia.

Ke Arah itu, PLANMalaysia@Pulau Pinang turut memartabatkan Dasar Kualiti berikut:

Menjadikan Jabatan Sebagai Pusat Bagi Perkhidmatan Perancangan Bandar Dan Desa Yang CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

Moto “TRANSFORMASI PERANCANGAN KE ARAH KEMAMPAHAN”

Piagam Pelanggan

**PEWUJUDAN PERSEKITARAN YANG BERKUALITI DAN SEJAHTERA
DI NEGERI-NEGERI MELALUI PERKHIDMATAN PERANCANGAN
BANDAR DAN DESA YANG BERKUALITI, SEJAHTERA DAN MAMPAN
MENJELANG 2020**

DENGAN ITU KAMI BERJANJI UNTUK

MENGURUSETIAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI
Empat (4) Kali Setahun

MEMBERI ULASAN PERANCANGAN BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG
Tidak Melebihi Empat Belas (14) Hari

**MEWARTAKAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN), RANCANGAN TEMPATAN (RT)
DAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)**
Dalam Tempoh 6 Bulan Selepas Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri

MEMASTIKAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) DIKAJI SEMULA
Dalam Tempoh Lima (5) Tahun Selepas Pewartaan

MENYELARAS PENYEDIAAN RT DAN RKK SERTA MEMANTAU PELAKSANAANNYA
Berdasarkan Program Rancangan Malaysia Lima (5) Tahun

MENYEDIA/MENYELARAS PELAN PROJEK KHAS
Dalam Tempoh Enam Puluh (60) Hari

MENGADAKAN MESYUARAT DENGAN KETUA UNIT PUSAT SETEMPAT (OSG)
Dua (2) Kali Setahun

**MENYAMPAIKAN KEPUTUSAN BERTULIS LEMBAGA RAYUAN KEPADA PERAYU
DAN RESPONDEN**
Dalam Tempoh Sepuluh (10) Hari Dari Tarikh Keputusan Diterima Daripada
Pengerusi Lembaga Rayuan

MEMBEKAL MAKLUMAT PERANCANGAN (KATEGORI TIDAK TERPERINGKAT)
Dalam Tempoh Lima (5) Hari

MEMBERI LAYANAN KAUNTER DENGAN BERBUDI BAHASA
Dalam Tempoh Lima (5) Minit



Pelan Strategik

Pelan Strategik PLANMalaysia@Pulau Pinang
(*Hala Tuju PLANMalaysia@Pulau Pinang Menjelang Tahun 2020*)

Pelan Strategik PLANMalaysia@Pulau Pinang 2012-2020 adalah menerapkan sepenuhnya Pelan Strategik PLANMalaysia. Pelan Strategik ini memberi arah tuju PLANMalaysia yang jelas dalam merealisasikan visinya untuk *'Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampu Menjelang 2020'*

Dokumen yang dirangka untuk tempoh lapan (8) tahun ini menetapkan suatu anjakan peranan PLANMalaysia dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatannya selaras dengan dasar transformasi Kerajaan. Ini memerlukan perkhidmatan yang lebih kreatif dan inovatif bagi menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian Kerajaan bagi memenuhi aspirasi dan harapan pihak berkepentingan dan pelanggan yang sentiasa meningkat serta mahukan pembaharuan. Peranan dan tanggungjawab ini perlu diterjemah ke dalam satu bentuk perancangan yang strategik, berdaya laksana dan mampu memenuhi keperluan golongan sasaran.

Suatu sistem perancangan dan pengurusan yang mantap memerlukan satu sinergi baru bagi menangani isu-isu, cabaran-cabaran dan mengambil peluang-peluang serta mengeksplotasi potensi-potensi yang terserlah dalam mencapai hasrat PLANMalaysia. Situasi ini juga menuntut komitmen PLANMalaysia untuk memperkasa keupayaannya selari dengan proses pemodenan dan transformasi perkhidmatan agar lebih mudah, pantas dan berkesan serta mempunyai *value for money*.


Teras Strategik Jabatan PLANMalaysia


Bagi memastikan pencapaian Visi dan Misi PLANMalaysia, enam (6) Teras Strategik dan 21 Strategi mengikut Bidang Keberhasilan Utama (KRA) akan diberikan penumpuan dalam tempoh Pelan Strategik Jabatan iaitu :



Budaya Kerja

Warga PLANMalaysia@Pulau Pinang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai bersama budaya kerja 10K iaitu :-







STRUKTUR DAN FUNGSI PERKHIDMATAN

Hierarki Perkhidmatan



Peringkat Negara

Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam semua hal Perancangan Bandar dan Desa :

Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) :

Mengalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang. Prosedur perancangan serta kajian penyelidikan dan pembangunan :

Menterjemahkan dasar-dasar sosial, ekonomi dan alam sekitar negara ke dalam dimensi spatial :

Memudahcara dan memantau penyediaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan di semua peringkat pelaksanaan :

Mengendalikan, membantu dan melaksanakan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan Perancangan Bandar dan Desa serta kaedah-hanya : dan

Menyelia dan menyelaras pangkalan data guna tanah negara.



MAJLIS PERBANDARAN
SEBERANG PERAI



MAJLIS BANDARAYA
PULAU PINANG

Peringkat Tempatan

Merancang, menyelaras dan mengawal penggunaan dan penajuan tanah dan bangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) :

Memudahcara dan memantau pembangunan dalam kawasan PBPT melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan :

Mengendalikan, membantu dan melaksanakan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan Perancangan Bandar dan Desa serta kaedah-hanya : dan

Melaksanakan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari masa ke semasa.



Peringkat Negeri

Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam semua hal-hwal Perancangan Bandar dan Desa dalam menyelaras pelaksanaan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) di peringkat Negeri :

Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) :

Memudahcara dan memantau pembangunan dalam Negeri melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan :

Membantu dalam perancangan projek-projek khas yang dikendalikan Kerajaan Negeri :

Menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan mengenai perancangan bandar dan desa :

Mengendalikan, membantu dan melaksanakan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedah-hanya : dan

Menyedia dan menyelaras pangkalan data guna tanah Negeri.

Mengendalikan, membantu dan melaksanakan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedah-hanya : dan

Menyedia dan menyelaras pangkalan data guna tanah Negeri.



Struktur Organisasi Jabatan

Fungsi Bahagian Khidmat Pengurusan

- 

1. Penerimaan Surat • Keselamatan Pejabat • Perolehan Alat Kelengkapan & Bekalan Pejabat
Pembayaran & Penerimaan Hasil
- 

2. Pengisian Jawatan & Perlantikan Baru • Pengesahan Dalam Perkhidmatan & Pemberian Taraf Berpencen • Pertukaran Masuk & Pertukaran Keluar • Permohonan Cuti • Penyeliaan Sistem HRMIS • Perkhidmatan Kesetiausahaan
- 

3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun Jabatan • Anggaran Belanjaan
Mengurus • Perkhidmatan Kewangan

Fungsi Bahagian Korporat Dan Lembaga Rayuan

- 

1. Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri • Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri • Mengurusetiaikan Mesyuarat Jawatankuasa MMK Perancang Bandar.
- 

2. Menjadi Pentafar Kes-Kes Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang dan menguruskan Persidangan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang (3-6 hari sebulan).
- 

3. Bahagian Sebaran Dasar / Garis Panduan / Penerbitan / Negeri & Persekutuan • Menjalankan tugas-tugas Korporat Jabatan seperti - ISO - Piagam Pelanggan - Star Rating - Manual Prosedur Kerja (MPK) - Maklumbalas Kepuasan Pelanggan Luar dan Dalam - KPI • Pengurusan Latihan Kakitangan & Latihan Pratikal
- 

4. Urusetia Penerbitan Jabatan - Laporan Tahunan - Buletin Rancang - Buletin Lembaga Rayuan

Fungsi Bahagian Kawalan Pembangunan Dan Maklumat Gunatanah Negeri

1

Memproses Permohonan Kebenaran Merancang • Memproses Permohonan Tanah • Memproses Permohonan Pecah Sempadan Dan Penyatuan Tanah • Memproses Permohonan Pengambilan Balik Tanah • Memproses Ujisan Laporan EIA & Geoteknikal • Memproses Permohonan Perlingkungan Semula • Memproses Permohonan Papan Iklan • Memproses Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Seksyen 5(2) • Memproses Permohonan Pelan Bangunan Di Bawah Seksyen 5(2) • Memproses Permohonan Rundingan Projek IKR Di Bawah Seksyen 20A



2

Membekalkan Maklumat Perancangan Secara Bertulis • Perundangan dan Penguatkuasaan Petugas Khidmat Kaunter • Urusetia Jawatankuasa Kebenaran Merancang Dan Pelan Bangunan Di Bawah Seksyen 5(2)



3

Pembangunan ICT Jabatan • Pembangunan & Perolehan Data Geospasial (Vektor & Raster) dan Pangkalan Data • Pembekalan data / maklumat antara jabatan, agensi dan individu terlibat • Pembangunan / Pengurusan Aplikasi PLANMalaysia Geoportal • Pengurusan dan Urusetia Pasukan Kerja MyGDI Negeri Pulau Pinang • Pengurusan dan Urusetia JKPPD Negeri Pulau Pinang serta Pengurusan dan Pemantauan Data (PPD) Peringkat Negeri Pulau Pinang • Menyelaras latihan-latihan melibatkan perisian untuk kegunaan jabatan • Memantau dan menyelenggara Laman Web Jabatan • Memantau dan mengemaskini PLANMalaysia Geoportal



4

AIK ICT Strategik Plan (ISP) Peringkat Negeri & PLANMalaysia serta pemantauan pelaksanaan ISP • Perlaksanaan & Maklumbalas semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa eGG yang berkaitan Jabatan • Perlaksanaan & Pengurusan terhadap semua aplikasi peringkat negeri & nasional yang dipertanggungjawab seperti aplikasi IDOr, email, eTanjah, SISIP, ICS, ePlanning • Perolehan & Penyelenggaraan Peralatan ICT Jabatan • Menerima dan mengambil tindakan di atas arahan Pengarah Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang dari semasa ke semasa



Fungsi Bahagian Rancangan Pembangunan Dan Projek Khas

1

Menyediakan Rancangan Struktur Negeri • Menyediakan Rancangan Tempatan Bagi Kawasan Di Luar Pihak Berkuasa Tempatan • Menyelaras Penyediaan Rancangan Tempatan Bagi Semua Pihak Berkuasa Tempatan • Menyediakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) • Menyediakan Kajian Khas Yang Diarahkan Oleh Pihak Berkuasa Negeri • Menyelaras Dan Memantau Pelaksanaan Program Bandar Selamat • Melaksanakan Jaringan Petunjuk Bandar Dan Luar Bandar Malaysia (MURNInets)



2

Mengurusetia Jawatankuasa Landskap Negeri Dan RIBI




3

Memberi Khidmat Nasihat Perancangan Program Penswastaaan Negeri, Infrastruktur Dan Utiliti



**BAHAGIAN
KAWALAN PERANCANGAN
& MAKLUMAT
GUNATANAH NEGERI**



Perjawatan

PLANMalaysia@Pulau Pinang mempunyai sebanyak 64 perjawatan selaras dengan kelulusan JPA. Darpada jumlah ini, hanya 55 jawatan telah diisi manakala tiga (3) jawatan masih kosong iaitu jawatan Penolong Pengarah Gred J41 dan enam (6) jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29.

Perjawatan sehingga akhir tahun 2016 adalah seperti berikut:

Skim Perkhidmatan	Gred	Kelulusan Perjawatan JPA	Pengisian	Kekosongan
PENGURUSAN & PROFESIONAL (Pegawai Perancang Bandar Dan Desa)				
Pengarah	JUSA C	1	1	0
Timbalan Pengarah	J48	2	2	0
Ketua Penolong Pengarah	J44	1	1	0
Penolong Pengarah	J41	5	2	3
KUMPULAN SOKONGAN				
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan	JA36	2	2	0
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan (KUP)	JA36 KUP	38	1	6
	JA29		31	
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa				
Pelukis Pelan	J19	6	6	0
KEWANGAN				
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	1	1	0
PENTADBIRAN & SOKONGAN				
Setiausaha Pejabat	N27	1	1	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	1	1	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	3	3	0
Pembantu Operasi	N11	2	2	0
Pemandu Kenderaan	H11	1	1	0

Selaras dengan kelulusan penvelarasan perjawatan daripada Juruteknik (Perancang Bandar (J17)) kepada Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (J29) pada Julai 2014, JPBD Pulau Pinang kini mempunyai 31 pengisian jawatan JA29.



KAKITANGAN PLANMalaysia@PULAU PINANG BERGAMBA KENANGAN
BERSAMA TIMBALAN KETUA PENGARAH DATO' MOHD. ZAKI BIN IBRAHIM




PENGURUSAN KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA

Pretasi Kewangan

Peruntukan dan Perbelanjaan


Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM 4,985,380.00 kepada jabatan. Pihak jabatan telah membelanjakan sebanyak RM 4,757,404.77 untuk kegunaan pengajian dan emolumen, pentadbiran dan teknikal dengan peratusan perbelanjaan sebanyak 47.8% .



Perkara	Peruntukan(RM)	Perbelanjaan(RM)	Baki (Peratusan Perbelanjaan) (RM)
A - Gaji , Elaun Tetap, Elaun Lebih Masa, KWSP Dan Imbuhan Tahunan	3,257,450.00	3,051,289.96	201,560.04 (46.9%)
B - Tuntutan Perjalanan, Elaun Perpindahan, Bil Utiliti, Sewaan, Bahan Makanan Dan Minuman. Petrol Dan Alat Ganti	1,612,330.00	1,591,082.01	21,247.99 (49.3%)
C - Kenderaan Dan Harta Modal	115,600.00	115,032.80	567.20 (49.8%)
Jumlah	4,985,380.00	4,757,404.77	223,375.23 (47.8%)

Pengurusan Sumber Manusia

Pada tahun 2016 PLANMalaysia@Pulau Pinang mempunyai 58 orang kakitangan yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Dan Profesional, Sokongan dan Khidmat Pengurusan Dan Kewangan



Pengurusan Latihan Dan Peperiksaan

Latihan Kakitangan

Jabatan telah menyediakan pelan operasi bagi memastikan pencapaian tempoh berkursus tujuh (7) hari bagi setiap lapisan kakitangan. Daripada Januari 2016 sehingga akhir Disember 2016, sebanyak 91 kursus telah dilaksanakan secara dalaman dan luaran dengan kos sebanyak **RM 8,000.00**. Peratusan pencapaian 7 hari berkursus telah mencapai 100% bagi tahun 2016.

Bilangan Kursus		Kos Dibelanjakan	Bilangan Peserta Terlibat
Dalaman	15	RM 2,500.00	90
Luaran	76	RM 5,500.00	128

Pertukaran Keluar



NORSURIANA BINTI SULIMAN
Penolong Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J41

Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
Pejabat Projek Zon Utara, Kedah
1 OGOS 2016



HAMASRULL BIN HASSAN
Penolong Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J41

Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
Majlis Daerah Kubang Pasu, Kedah
1 NOVEMBER 2016



ASMALIZA BINTI SH Aidan
Penolong Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J41

Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
Majlis Perbandaran Kulim, Kedah
1 NOVEMBER 2016



NINA IZURIN
Penolong Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J44

Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
PLANMalaysia (Ibupejabat)
1 OGOS 2016



NOR AZILAH BINTI ZAKARIA
Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N22

Dari
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Ke
Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan
1 Februari 2016

Pertukaran Masuk



ABD TALIP BIN ABD RAHMAN
Timbalan Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J48

Dari
Majlis Perbandaran Kulim, Kedah

Ke
PLANMalaysia@Pulau Pinang
18 APRIL 2016



BASRI BIN BASIR
Penolong Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J44

Dari
Pejabat Projek Zon Utara, Kedah

Ke
PLANMalaysia@Pulau Pinang
1 OGOS 2016



SALIZA BINTI MOHAMAD
Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N22

Dari
Pejabat Tanah Dan Galian
Pulau Pinang

Ke
PLANMalaysia@Pulau Pinang
1 FEBRUARI 2016

Kakitangan Bersara



**ALLAHYARHAMAH
ZURAIDA BINTI ZAKARIA**

Penolong Pegawai Perancang
Bandar Dan Desa
Gred JA36 (KUP)

18 JULAI 2016

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2016, penganugerahan diberikan bagi menghargai dan mengiktiraf kakitangan di atas perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2016. Seramai lima (5) orang kakitangan telah menerima penganugerah tersebut.



ASMAHAN BINTI MOKTI
Penolong Pengarah
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred J41

Bahagian Kawalan Perancangan
dan Maklumat Guna Tanah Negeri



**MUHAMMAD SAUFFE BIN
MOHAMAD SAAD**
Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred JA29

Bahagian Rancangan Pemabangan
& Projek Khas



FIFI HIDAYAH BINTI ALWI
Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred JA29

Bahagian Korporat & Lembaga
Rayuan



FAIROS BINTI BAHAROM
Pelukis Pelan
Gred JA19

Bahagian Kawalan Perancangan
dan Maklumat Guna Tanah Negeri



HASRAF BIN SHAIKH HUSSIN
Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N19

Bahagian Khidmat Pengurusan &
Kewangan

Anugerah Khas Pengarah PLANMalaysia@ Pulau Pinang

Anugerah Khas Pengarah bagi tahun 2016, penganugerahan diberikan bagi menghargai dan mengiktiraf kakitangan di atas perkhidmatan yang telah disumbangkan untuk jabatan. Dikategorikan kepada Anugerah Pegawai Sihat, Anugerah Pegawai 'Punch Card' Terbaik dan Anugerah Pegawai Personaliti Terbaik.



SHAHARIL BIN MOHAMAD

Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred JA 36 (KUP)

**ANUGERAH
PEGAWAI SIHAT**



SHUKOR BIN MOHD ALI

Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa
Gred JA 29

**ANUGERAH PEGAWAI
'PUNCH CARD'
TERBAIK**



MD SHUKRI BIN A. HAMID

Pembantu Am Rendah
Gred H11

**ANUGERAH PEGAWAI
PERSONALITI
TERBAIK**

Anugerah Darjah Kebesaran Kepada Pengarah dan Pegawai PLANMalaysia@Pulau Pinang

Sempena Harijadi T.Y.T Pulau Pinang

Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormat Negeri Pulau Pinang yang diadakan bersempena Harijadi Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang iaitu Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas kali ke 78 pada 13 Ogos 2016

Jabatan ingin mengucapkan sekalung TAHNIAH kepada Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang YBhg. Dato' TP. Haji Mohd Anuar Bin Maidin di atas penganugerahan pingat Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N). Darjah ini merupakan pingat yang dikurniakan kepada individu-individu yang menyumbang perkhidmatan yang istimewa serta mempunyai kedudukan yang tinggi yang membawa gelaran Dato'.

Di majlis yang sama, seramai 5 orang pegawai PLANMalaysia@Pulau Pinang iaitu Puan Khadijah binti Abdul Karim dan Encik Ismit bin Yusof telah dianugerahkan Pingat Bakti Setia (P.B.S). Manakala Encik Ghazali bin Abdul Rasit, Encik Shaharil bin Mohamad, Puan Seri Zaimahani bin Zaini dianugerahkan Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M).





Encik Ghazali bin Abdul Rasit
Pingat Jasa Masyarakat (PJM)



Encik Shaharil bin Mohamad
Pingat Jasa Masyarakat (PJM)



**Puan Seri Zaimahani
 binti Zaini**
Pingat Jasa Masyarakat (PJM)



Encik Ismit bin Yusof
Pingat Bakti Setia (PBS)



**Puan Khadijah
 binti Abdul Karim**
Pingat Bakti Setia (PBS)

ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN SEMPENA HARIJADI T.Y.T PULAU PINANG IAITU TUN DATO'
SERI UTAMA (Dr.) HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS KALI KE 78 PADA 13 OGOS 2016





PENCAPAIAN JABATAN

5.1

PERANCANGAN KORPORAT JABATAN Keurusetiaan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)



JPN di Pulau Pinang dilaksanakan sekali dalam setiap bulan. Walau bagaimanapun, sehingga Disember 2016 PLANMalaysia@Pulau Pinang telah berjaya mengurus dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang (JPN) sebanyak **13 kali** termasuk **satu (1) kali Mesyuarat Khas.**

Ahli Tetap JPN • Y.A.B. Ketua Menteri • Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1 (Pengerusi J/K MMK Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi & Pertubuhan Masyarakat dan Pembangunan Kausabawahan) • Y.B. Timbalan Ketua Menteri 2 (Pengerusi J/K MMK Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi) • Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri • Y.B. Pengerusi J/K MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir • Y.B. Pengerusi J/K MMK Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan • Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri • Y.B. Pegawai Kewangan Negeri • Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri • Pengarah Tanah dan Galian Negeri • Pengarah Kerja Raya Negeri • Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran • Pengarah Pertanian Negeri • Pengarah Kemajuan Negeri • Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri • Datuk Bandar MBPP • Yang DiPertua MPSP • Pengarah PLANMalaysia@Pulau Pinang (Setiausaha) •

Ahli Jemputan JPN • Y.B. Pengerusi J/K MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna • Y.B. Pengerusi J/K MMK Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian • Y.B. Pengerusi J/K MMK Kerja Raya, Utiliti (Tenaga Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi) • Y.B. Pengerusi J/K MMK Pembangunan Pelancongan • Y.B. Pengerusi J/K MMK Kebajikan Masyarakat, Penvayang dan Alam Sekitar • Y.B. Pengerusi J/K MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan • Setiausaha Politik Kepada Y.A.B. Ketua Menteri • Pegawai Daerah Timur Laut • Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah • Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan • Pegawai Daerah Barat Daya • Pegawai Daerah Seberang Perai Utara • Pengurus Besar, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang • Pengurus Besar Pejabat Warisan Dunia (WH0) • Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perumahan Negeri • Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan • Pengarah Jabatan Perancangan Bandar, MPSP • Pengarah, Jabatan Perancangan & Pembangunan, MBPP • Pengarah, Jabatan Bangunan, MBPP • Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPP • Pengarah, Jabatan Warisan, MBPP • Pengarah, Jabatan Bangunan, MPSP • Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MPSP • Pengarah, Jabatan Botani Pulau Pinang • Pengurus Besar, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang •




Sekitar perijalan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri yang diurusetiaikan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang

Kertas-kertas Kerja Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

No. Siri JPN Dan Tarikh	Tarikh	Bil. Kertas Kerja Dibentangkan	Kertas Dasar Berkaitan	Garis Panduan	Rancangan Pemasjua (Rs/Rt/Rkk)	Kes-kes Perlingkungan (Rezoning)	Seksyen 20a	Kebeharan Merancang	Peningkatan Kepadatan	Peningkatan Misah Plot	Peningkatan Ketumpatan	Kenaikan Had Ketinggian	Plot Ratio	Laporan	Makluman	Hal-hal Lain
BIL.1/2016	19.1.2016	14	1	-	-	5	-	6(3)	-	-	1	-	-	1	-	2
BIL.2/2016	25.2.2016	20	-	2	-	13	-	2	-	1	1	-	-	-	-	7
BIL.3/2016	31.3.2016	10	-	-	-	5	-	5	-	-	-	-	-	-	-	11
BIL.4/2016	27.4.2016	14	-	1	-	4	-	9	-	-	-	-	-	-	-	2
BIL.5/2016	27.5.2016	15	-	1	-	5	-	8	-	-	1	-	-	-	-	2
BIL.6/2016 (Khas)	20.6.2016	4	-	-	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
BIL.7/2016	23.6.2016	15	-	-	-	11	-	3	-	-	1	-	-	-	-	3
BIL.8/2016	29.7.2016	15	-	-	-	8	-	6	-	-	-	-	-	1	-	3
BIL.9/2016	30.8.2016	13	-	-	-	4	-	7	-	-	-	-	-	2	-	-
BIL.10/2016	29.9.2016	13	-	1	-	4	-	4	-	1	1	-	-	-	-	1
BIL.11/2016	27.10.2016	16	1	1	-	9	-	3	-	1	1	-	-	-	-	6
BIL.12/2016	29.11.2016	10	-	1	-	7	1	-	-	-	-	-	-	1	-	4
BIL.13/2016	20.12.2016	9	1	-	-	2	1	3	-	-	-	-	-	-	-	3
JUMLAH		168	3	7	4	77	2	56	-	3	6	-	-	5	-	44

Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

Perbandingan Jumlah ketas kerja dan kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari tahun 2011 hingga 2016. Secara purata, tren kertas kerja dan kekerapan JPN meningkat setiap tahun seperti berikut :



Kertas-kertas Dasar Yang Diulaskan

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 11 garis panduan telah dibentangkan dan diluluskan di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Pulau Pinang

1	Kadar sumbangan bayaran infrastruktur melebihi ketumpatan bagi unit pangsapuri perkhidmatan yang diperolehi daripada peningkatan ketumpatan maksima 15 unit/ekar kepada maksima 30 unit/ekar	Bil.5.2016 pada 25.5.2016 Disahkan pada hari yang sama
2	Ketetapan Bayaran Tawaran Sumbangan Yang Dikenakan Sebagai Menggantikan Dasar Penyediaan 30% Rumah Kos Sederhana Rendah (LMC) Dan Kos Rendah (LC) Kepada Pemajuan Rumah Mampu Milik Berharga RM150,000.00 Secara Fizikal.	Bil.1.2016 pada 19.1.2016 Disahkan pada 25.2.2016
3	Garis panduan Pengutipan Bayaran Caruman Bagi Perlaksanaan Projek-Projek Pembinaan Serta Menaiktaraf Jalan Dan Persimpangan	Bil.4.2016 pada 27.4.2016 disahkan pada 27.5.2016
4	Penambahbaikan Garis Panduan Penyediaan Skim Perumahan 100% Rumah Mampu Milik (RMM)	Bil.2.2016 pada 25.2.2016 Disahkan pada 31.3.2016
5	Kaedah Bayaran Tawaran Sumbangan Caj Pembangunan Untuk Kos Rendah Dan Kos Sederhana Rendah Serta Lain-Lain Tawaran Sumbangan	Tarikh keputusan JPN pada 17.12.2015
6	Kadar Tawaran Sumbangan Bayaran Infrastruktur (Peningkatan Nilai Tanah Bagi Perlingkungan Semula)Kepada Zon 'Perniagaan' Yang Dikenakan Kepada Persatuan/Pertubuhan/Badan Bukan Kerajaan (NGO) (Kawasan MBPP)	Bil.4.2016 pada 27.4.2016 Disahkan pada 27.5.2016
7	Kaedah Tawaran Sumbangan Bayaran Infrastruktur (Peningkatan Nilai Tanah Bagi Perlingkungan Semula) Dan Tawaran Sumbangan Bayaran Infrastruktur (Melebihi Ketumpatan/Nisbah Plot Yang Dibenarkan) Bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).	Bil.5.2015/20.4.2015 Disahkan 29.5.2015
8	Penyelarasan Harga Rumah Mampu Milik Dan 25% Unit Kawalan Harga Bagi Kawasan Pulau	Bil.5.2016 pada 27.5.2016 Disahkan pada hari yang sama.
9	Garis panduan Perumahan Rumah Mampu Milik Di Kawasan Seberang Perai	Bil.7.2016 pada 23.6.2016 Disahkan pada 29.7.2016
10	Tawaran Wang Sumbangan Kewangan Bagi Menggantikan Penyediaan Rumah Kos Rendah (LC) Dan Rumah Kos Sederhana Rendah (LMC) Bagi Kawasan Seberang Perai (MPSP)	Bil.8.2016 pada 29.7.2016 Disahkan pada 30.8.2016
11	Pemutihan Hotel Tanpa Lesen Di Kawasan Pentadbiran MBPP	Bil.11.2016 pada 27.10.2016 Disahkan pada hari yang sama.


Keurusetiaan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri (JKPN)

Pelaksanaan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri adalah sebagai median untuk diadakan perbincangan di antara agensi teknikal yang mengulas bagi memperakukan kerja permohonan untuk diangkat ke Jawatankuasa Perancang Negeri. Jawatankuasa Teknikal Perancangan Negeri dipengerusikan oleh Y.B Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh selaku Pengerusi MMK Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 19 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan sebanyak 80 kertas permohonan dan sebanyak 77 kertas permohonan perlingkungan semula diperakukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri.



Keurusetiaan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri (JKPN) INFRASTRUKTUR

Pelaksanaan Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri Infrastruktur adalah sebagai median untuk diadakan perbincangan di antara agensi teknikal yang mengulas bagi memperakukan kerja permohonan untuk diangkat ke Jawatankuasa Perancang Negeri. Dipengerusikan oleh Y.B Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh selaku Pengerusi MMK Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 6 mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan sebanyak 20 kertas permohonan dan sebanyak 20 kertas permohonan infrastruktur diperakukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri.





Keurusetiaan Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK) Perancangan Bandar Dan Desa

Bagi tahun 2016, MMK Perancangan Bandar Dan Desa yang dipengerusikan oleh EXCO Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan iaitu YB. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali

Bil. Mesyuarat
MMK Perancangan Bandar Dan Desa Bil 1/2016
Tarikh
5 April 2016

Bil. Mesyuarat
MMK Perancangan Bandar Dan Desa Bil 2/2016
Tarikh
2 September 2016

Bil. Mesyuarat
MMK Perancangan Bandar Dan Desa Bil 3/2016
Tarikh
19 Disember 2016

Antara agenda yang dibincangkan melalui MMK Perancangan Bandar Dan Desa sepanjang tahun 2016 adalah :

1. Rancangan Fizikal Negara Ke 3 (RFN3)
2. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)
3. Fungsi dan Peranan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
4. Kajian Semula RSNPP 2020
5. Draf Peraturan Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang
6. Tapak Perkhemahan Vison Park, Bertam
7. Kajian Kolerasi RIBI Daerah Barat Daya 2016



Keurusetiaan Mesyuarat Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang

Bagi tahun 2016, Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang telah mengadakan sebanyak empat (4) kali mesyuarat

Bil. Mesyuarat
Mesyuarat Landskap Bil 1/2016
Tarikh
4 Februari 2016

Bil. Mesyuarat
Mesyuarat Landskap Bil 2/2016
Tarikh
2 Jun 2016

Bil. Mesyuarat
Mesyuarat Landskap Bil 3/2016
Tarikh
5 September 2016

Bil. Mesyuarat
Mesyuarat Landskap Bil 4/2016
Tarikh
29 November 2016

Antara agenda dan program yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang adalah:

1. Program Penanaman Semula Pokok Bakau Di Sungai Acheh, Nibong Tebal pada 23 Mei 2016
2. Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang Di Vision Park, Bertama, Kepala Batas pada 3 Disember 2016





Keurusetiaan Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam(RIBI)

Mesyuarat Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)
bagi tahun 2016 telah diadakan sebanyak
empat (4) kali iaitu :

Bil. Mesyuarat (Bil. Kes)
Mesyuarat Penyelarasan RIBI 1/2016 (7 Kes)
Tarikh
11 Mac 2016

Bil. Mesyuarat (Bil. Kes)
Mesyuarat Penyelarasan RIBI 2/2016 (2 Kes)
Tarikh
25 April 2016

Bil. Mesyuarat(Bil. Kes)
Mesyuarat Penyelarasan RIBI 3/2016 (3 Kes)
Tarikh
4 Ogos 2016

Bil. Mesyuarat(Bil. Kes)
Mesyuarat Penyelarasan RIBI 4/2016 (7 Kes)
Tarikh
1 November 2016

Mesyuarat RIBI
berfungsi menyelaras
keputusan dan tindakan
ke atas pembangunan
RIBI. Mesyuarat
terbahagi kepada 2
Peringkat iaitu :

1) Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan RIBI


- Dipengerusikan oleh Y.B Jagdeep Singh Deo Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan
- Keahlian mesyuarat terdiri daripada beberapa ahli DUN yang mewakili pelbagai agama dan jabatan-jabatan teknikal.
- Mengesyorkan keputusan/tindakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pelaksanaan.

2) Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah RIBI

- Dipengerusikan oleh Y.B Jagdeep Singh Deo Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar & Desa Dan Perumahan.
- Keahlian mesyuarat terdiri daripada beberapa ahli DUN yang mewakili pelbagai agama dan jabatan-jabatan teknikal.
- Peruntukan yang diperakukan tidak melebihi RM 20,000.00 kepada setiap pertubuhan / persatuan bagi tujuan pembinaan atau penyelenggaraan tempat ibadat

Kategori Kes-kes RIBI

Pecahan kes-kes yang telah dikemukakan di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan RIBI merangkumi 4 topik utama. Tumpuan utama merupakan permohonan untuk memajak tapak-tapak RIBI yang diserahkan oleh pemaju kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memenuhi keperluan kebenaran merancang. Bagi tahun 2016, sejumlah 19 kes RIBI telah dibincangkan iaitu :



Status Kes

Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam telah meneliti 19 kes dan telah membuat keputusan mengikut 4 kategori keputusan iaitu :



SEMINAR


LEMBAGA RAYUAN & PELAN NEGERI PULAU PINANG 2016

14 MAC 2016 (ISNIN)

HOTEL OLIVE TREE, BAYAN BARU, PULAU PINANG



KEURUSETIAAN LEMBAGA RAYUAN NEGERI PULAU PINANG




Persidangan Sepanjang Tahun 2016

Persidangan lembaga rayuan telah diadakan sebanyak 55 kali pada tahun 2016 untuk membincangkan dan menyelesaikan 27 kes baru yang didaftarkan serta kes-kes yang ditangguhkan di tahun 2015

Senarai Ahli Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang 2016

1. **YBhg. Dato' Yeo Yang Poh**
Pengerusi
Peguamcara & Peguambela
17.3.2014 - 17.3.2017
2. **YBhg. Dato' Seri Haji Moktar bin Mohd Jait**
Timbalan Pengerusi
Peguamcara & Peguambela
29.10.2015 - 19.10.2018
3. **YBhg. Dato' Tan Chiong Meng**
Ahli Panel
Jurutera Bersara (PDC)
16.8.2015 - 16.8.2018
4. **YBhg. Dato' Dr. Sharom b. Ahmad**
Ahli Panel
Bekas Pensyarah USM (Perancangan)
16.8.2015 - 16.8.2018
5. **YBrs. Puan Sr. Lim Yoke Mui**
Ahli Panel
Pensyarah USM (Ukur Bahan)
16.8.2015 - 16.8.2018
6. **Encik Ar. Teh Theam Seng**
Ahli Panel
Bekas Arkitek (MPSP)
16.8.2015 - 16.8.2018
7. **YBhg. Dato' Ir Dr. Lee Yow Ching**
Ahli Panel
Jurutera Bersara (PBA)
4.10.2013 - 4.10.2016
8. **YBrs. Dr. Mohamad Amiruddin Fawzi b. Bahaudin**
Ahli Panel
Bekas Pensyarah USM (Perancangan)
4.10.2013 - 4.10.2016
9. **YBrs. Tuan Lim Hooi Siang**
Ahli Panel
Perunding Perancang Bandar & Warisan
4.10.2013 - 4.10.2016
10. **YBrs. Tuan Malkit Singh s/o Dalip Singh**
Ahli Panel
Peguamcara & Peguambela
4.10.2013 - 4.10.2016
11. **YBrs. Tuan Tan Thean Siew**
Ahli Panel
Bekas Pengarah Perancang Bandar (MBPP)
4.10.2013 - 4.10.2016
12. **YBrs. Tuan Tharumarajah s/o Thiagarajan**
Ahli Panel
Peguamcara & Peguambela
4.10.2013 - 4.10.2016
13. **YBrs. Tuan San Markan Ganapathi**
Ahli Panel
Peguamcara & Peguambela
10.2.2014 - 10.2.2017
14. **YBhg. Dato' Chee Kong Chi**
Ahli Panel
Peguamcara & Peguambela
12.3.2015 - 12.3.2018



Status Kes-kes Yang Dikendalikan Di Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang 2016


BULAN	TARIKH SIDANG	BILANGAN KES BARU DIKEMUKAKAN	KATEGORI KES YANG DIBENTANGKAN DI LEMBAGA					KEPUTUSAN							
			SEBUTAN KES	SEBUTAN SEMULA	BICARA KES	SAMBUNG BICARA	KEPUTUSAN	JUMLAH	DIBENARKAN	TOLAK	BUANG KES/ BATAL	TIADA PERINTAH	TANGGUH		
TAHUN 2016															
JANUARI	12/01/16		0	0	3	1	1	0	5	0	0	0	0	3	
	13/01/16	0	0	0	1	1	0	2	0	0	0	0	0	0	
	26/01/16		0	6	2	0	0	8	0	0	0	0	0	0	
	27/01/16		0	1	1	0	8	10	0	0	0	0	0	0	
	28/01/16		0	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	
	Jumlah	0	0	10	5	3	8	26	0	0	3	0	0	3	
FEBRUARI	04/02/16		0	3	2	0	0	5	0	0	0	0	0	0	
	05/02/16		0	0	1	1	0	2	0	0	0	0	0	0	
	22/02/16	5	0	13	1	0	0	14	0	0	0	0	0	0	
	23/02/16		0	2	0	1	0	3	0	0	0	0	0	0	
	24/02/16		5	2	0	0	0	7	0	0	0	0	0	0	
	Jumlah	5	5	20	4	2	0	31	0	0	0	0	0	0	
MAC	10/03/16		0	4	0	2	0	6	0	0	0	0	0	0	
	11/03/16		0	0	0	2	0	2	0	0	0	0	0	0	
	15/03/16	0	0	0	2	3	0	0	5	0	LR/SP/26/2015	0	0	0	3
	16/03/16		0	1	1	0	0	2	0	0	0	LR/SP/28/2015	0	0	0
	17/03/16		0	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	
	Jumlah	0	0	0	7	5	4	0	16	0	1	2	0	0	3

BULAN	TARIKH SIDANG	BILANGAN KES BARU DIKEMUKAKAN	KATEGORI KES YANG DIBENTANGKAN DI LEMBAGA					KEPUTUSAN									
			SEBUTAN KES	SEBUTAN SEMULA	BICARA KES	SAMBUNG BICARA	KEPUTUSAN	JUMLAH	DIBENARKAN	TOLAK	BUANG KES/ BATAL	TIADA PERINTAH	TANGGUH				
TAHUN 2016																	
APRIL	07/04/16		0	4	2	0	0	6	0	0	0	LR/SP/21/2015	0	LR/SP/17/2015	0	0	2
	08/04/16	0	0	3	1	1	0	5	0	0	0	LR/PP/31/2015	0	LR/PP/33/2015	0	0	3
	11/04/16		0	12	1	0	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	12/04/16		0	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	13/04/16		0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Jumlah	0	0	19	5	1	1	26	0	0	0	3	2	0	0	5	
MEI	16/05/16		0	2	1	1	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	17/05/16		4	1	1	1	0	7	0	0	0	LR/SP/25/2015	0	0	0	1	
	18/05/16	4	0	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	26/05/16		0	9	0	2	0	11	0	0	0	LR/PP/30/2015	0	LR/PP/4/2016	0	0	2
	27/05/16		0	1	0	2	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Jumlah	4	4	13	2	7	0	26	0	0	0	3	0	0	0	3	
JUN	13/06/16		4	3	7	0	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	14/06/16		0	1	1	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	23/06/16	4	0	6	0	2	0	8	0	0	0	LR/PP/20/2014	0	LR/PP/32/2015	0	0	3
	24/06/16		0	5	0	2	0	7	0	0	0	0	0	LR/PP/6/2016	0	0	0
	Jumlah	4	4	15	8	4	0	31	0	0	1	2	0	0	0	0	3

BULAN	TARIKH SIDANG	BILANGAN KES BARU DIKEMUKAKAN	KATEGORI KES YANG DIBENTANGKAN DI LEMBAGA					KEPUTUSAN					
			SEBUTAN KES	SEBUTAN SEMULA	BICARA KES	SAMBUNG BICARA	KEPUTUSAN	JUMLAH	DIBENARKAN	TOLAK	BUANG KES/ BATAL	TIADA PERINTAH	TANGGUH
TAHUN 2016													
JULAI	11/07/16		2	2	0	1	0	5	0	0	0	0	0
	12/07/16	2	0	1	6	0	0	7	0	0	0	0	0
	21/07/16		0	6	0	2	0	8	0	0	0	0	0
	22/07/16		0	2	1	1	0	4	0	0	0	0	0
	Jumlah	2	2	11	7	4	0	24	0	0	0	0	0
OGOS	09/08/16		0	5	1	1	0	7	0	0	LR/PP/3/2016	0	0
	10/08/16		0	5	1	0	0	6	0	0	0	0	0
	22/08/16	1	0	5	0	0	6	11	LR/PP/26/2014	0	LR/PP/2/2015	0	0
										0		0	2
	23/08/16		1	1	0	0	0	2	0	0	LR/PP/23/2014	0	0
	24/08/16		0	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0
	Jumlah	1	1	16	3	1	6	27	1	0	3	0	4
SEPTEMBER	19/09/16		0	5	1	0	0	6	0	0	0	0	0
	22/09/16	1	0	5	1	1	0	7	0	0	LR/PP/1/2016	0	0
	23/09/16		0	4	1	1	0	6	0	0	0	0	0
	Jumlah	1	0	14	3	2	0	19	0	0	1	0	0

BULAN	TARIKH SIDANG	BILANGAN KES BARU DIKEMUKAKAN	KATEGORI KES YANG DIBENTANGKAN DI LEMBAGA					KEPUTUSAN									
			SEBUTAN KES	SEBUTAN SEMULA	BICARA KES	SAMBUNG BICARA	KEPUTUSAN	JUMLAH	DIBENARKAN	TOLAK	BUANG KES/ BATAL	TIADA PERINTAH	TANGGUH	JUMLAH KEPUTUSAN			
TAHUN 2016																	
OKTOBER	06/10/16		0	3	1	1	1	1	6	LR/SP/23/2015	0		0		0	0	1
	07/10/16		0	0	3	1	0	4	0		0		LR/PP/10/2016		0	0	3
		4											LR/PP/11/2016				
													LR/PP/13/2016				
	10/10/16		0	4	1	0	0	5	0		LR/SP/4/2011		0		0	0	2
											LR/SP/28/2011						
	11/10/16		0	1	1	6	0	8	0		LR/PP/13/2015		0		0	0	1
	12/10/16		0	3	0	6	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Jumlah	4	0	11	6	14	1	32	1	3	3	0	3	0	0	0	7
NOVEMBER	03/11/16		0	4	0	1	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	04/11/16		0	5	0	0	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	14/11/16	3	0	1	0	1	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	15/11/16		5	0	0	1	0	6	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Jumlah	3	5	10	0	3	0	18	0	0	0	0	0	0	0	0	0
DISEMBER	05/12/16		0	0	0	5	1	6	0		LR/SP/3/2011		0	0	0	0	1
	06/12/16		3	0	0	5	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	07/12/16	3	0	0	0	5	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	15/12/16		0	9	1	1	0	11	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	16/12/16		0	4	0	1	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Jumlah	3	3	13	1	17	1	35	0	1	0	0	0	0	0	0	1
JUMLAH		27	64	159	49	62	17	311	2	6	20	2	0	2	0	0	30

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020



PENYEDIAAN DAN PEMANTAUAN RANCANGAN PEMAJUAN



Draf Laporan
Status : Selesai




Publisiti & Penyertaan Awam
Status : Dalam Proses



Mesyuarat Siasatan & Pendengaran Awam
Status : Dalam Proses



Pembentangan Ke JPN
(Jawatankuasa Perancang Negeri)
Status : Dalam Proses



Perwartaan
Status : Dalam Proses



Draf Laporan
Status : Selesai



Publisiti & Penyertaan Awam
Status : Selesai



Mesyuarat Siasatan & Pendengaran Awam
Status : Selesai



Pembentangan Ke JPN
(Jawatankuasa Perancang Negeri)
Status : Selesai



Perwartaan
Status : Selesai



Draf Laporan
Status : Selesai



Publisiti & Penyertaan Awam
Status : Selesai



Mesyuarat Siasatan & Pendengaran Awam
Status : Selesai



Pembentangan Ke JPN
(Jawatankuasa Perancang Negeri)
Status : Selesai



Perwartaan
Status : Selesai

5.4



KAWALAN DAN KHIDMAT NASIHAT PERANCANGAN



Permohonan Pembangunan Tanah Mengikut Daerah Bagi Tahun 2016

Perancangan tanah, kebenaran merancang dan perlingkungan semula dipecahkan mengikut kategori daerah iaitu Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya, Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Seberang Perai Selatan.


Sepanjang tahun 2016, sebanyak 1,462 permohonan diterima dan diproses berbanding tahun 2015 sebanyak 1,441 yang merangkumi perancangan tanah, kebenaran merancang dan perlingkungan semula.

Bagi seksyen 20A (Projek-projek Kerajaan Yang Diuruskan Dan Disilakan Oleh JKR) terdapat 2 permohonan diterima bagi tahun 2016 iaitu :

- Permohonan Rundingan Cadangan Pemajuan : Cadangan Membina Satu (1) Blok Bangunan 4 Tingkat Sekolah Agama Rakyat Di Atas Sebahagian Lot 4956, Mukim 11, Jawi, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang Untuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang.*
- Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Pemajuan Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan Dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau Mengandungi : 1 Blok Bangunan Jabatan Kecemasan, Unit Forensik Dan Patologi Beserta Dengan Blok Kelurutan (3 Tingkat), 1 Blok Pencawang TNB, 1 Unit Rumah Sampah, 1 Unit Pos Pengawal, 1 Unit Garaj Ambulans (5 Bay), Papak Tangki V.I.E, Kolam O.S.D, Di Atas Lot 261, Mukim F, Balik Pulau, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang Untuk Tetuan Kementerian Kesihatan Malaysia.*



Permohonan Perlingkungan Semula



Bilangan dan Peningkatan Perlingkungan Semula Dari Tahun 2009 Hingga 2016

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkuasa mulai 8 September 2009 telah bersetuju untuk menyeragamkan kadar bayaran peningkatan nilai tanah terhadap permohonan perlingkungan semula bagi kawasan MBPP dan MPSP. Melalui platform Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dan punca kuasa di bawah sub seksyen 4(5), Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172), maka PBT boleh menguatkuasakan arahan JPN di bawah akta ini.

Semua permohonan perlingkungan semula yang akan dibawa ke JPN untuk pertimbangan dan kelulusan setelah mengambil kira ulasan-ulasan Jabatan Teknikal berkaitan dan juga faktor guna tanah sekitarnya.

JPN telah menetapkan setiap kelulusan Permohonan Perlingkungan Semula adalah dengan syarat dikenakan bayaran peningkatan nilai tanah sebanyak 50% bagi permohonan di bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang manakala permohonan di bawah Majlis Perbandaran Seberang Perai, bayaran peningkatan nilai tanah adalah sebanyak 12.5%.

Perlingkungan semula (rezoning) melibatkan kes – kes seperti berikut :

- Sesuatu zon yang tidak dibenarkan sebarang pemajuan.
- Pertukaran kategori kegunaan tanah zon.
- Permohonan peningkatan densiti.

Selamat Datang Ke GeoPortal JPBD Pulau Pinang

GeoPortal ini merupakan satu aplikasi Peta Atas-talian (online mapping) yang menyediakan maklumat GIS kepada pengguna.

Kami berharap GeoPortal ini dapat membantu anda untuk mendapatkan maklumat dan membantu anda di dalam urusan dan melancarkan tugasan serta membuat keputusan.

GeoPortal bagi Pengguna Umum

Mengandungi maklumat geoportal secara umum seperti layer guntarajah, rangkaian, jalan, kemudahan awam dan lain-lain.

GeoPortal bagi Agensi Kerajaan Yang Berdaftar

Mengandungi maklumat geoportal secara umum, teknikal dan terperinci untuk melancarkan urusan kerjaya.

KATEGORI GEOPORTAL




GeoPortal JPBD

User ID:

Password:

Login



Keluasan Kegunaan Tanah (Hektar), Pulau Pinang 2016

Semua maklumat Geospasial yang terhasil akan melalui proses *cleaning*, topologi dan proses verifikasi akan digunakan untuk menghasilkan Tematik Map, Peta Bermaklumat bagi kegunaan jabatan, agensi negeri dan persekutuan serta lain-lain. Maklumat Geospasial ini juga akan dimuatnaik ke dalam Sistem Mapservices jabatan iaitu PLANMalaysia @ Pulau Pinang Geoportal (Mapguide Autodesk) yang boleh diakses oleh pengguna umum dan pengguna berdaftar secara *online* melalui intranet atau internet. Jabatan sedang di dalam proses untuk Peningkatan Sistem GIS jabatan iaitu Mapservices yang akan menggunakan persisian terkini iaitu Arcgis Server, ESRI. Mapservices yang baru akan dapat berkomunikasi secara *online* untuk perkongsian maklumat secara di atas talian dengan semua *mapservices* agensi seperti PEGIS Map Browser, MBPP Geoportal, MPSP Geoportal, i-PLAN JPBDMS, IHDS GTWHI, MyGeoportal MaCGDI dan lain-lain Mapservices yang menggunakan platform yang sama, baik di peringkat negeri atau persekutuan.


Daerah Timur Laut


Perumahan	2286.06
Komersial	442.89
Industri	79.82
Pembangunan Bercampur	5.29
Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	977.91
Tanah Lapang Dan Rekreasi	352.86
Tanah Kosong	324.15
Pengangkutan	1223.20
Infrastruktur Dan Utiliti	80.38
Pertanian	9.18
Hutan	6560.12
Badan Air	107.75
Pantai	22.38
JUMLAH	12470.83

Daerah Barat Daya

Perumahan	2071.11
Komersial	152.73
Industri	527.45
Pembangunan Bercampur	6.07
Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	563.67
Tanah Lapang Dan Rekreasi	226.25
Tanah Kosong	1133.20
Pengangkutan	1160.49
Infrastruktur Dan Utiliti	50.54
Pertanian	4077.37
Hutan	7531.71
Badan Air	304.59
Pantai	4.92
JUMLAH	17810.07

Pelan Guna Tanah Semasa Negeri Pulau Pinang
Sumber : Data GIS JPBD Pulau Pinang





Daerah Seberang Perai Utara

Perumahan	4452.89
Komersial	539.28
Industri	624.92
Pembangunan Bercampur	-
Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	1666.87
Tanah Lapang Dan Rekreasi	392.35
Tanah Kosong	1518.92
Pengangkutan	1801.24
Infrastruktur Dan Utiliti	192.67
Pertanian	13724.39
Hutan	454.48
Badan Air	1924.02
Pantai	-
JUMLAH	27292.02

Daerah Seberang Perai Tengah

Perumahan	4109.89
Komersial	586.73
Industri	2078.58
Pembangunan Bercampur	0.15
Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	896.22
Tanah Lapang Dan Rekreasi	248.58
Tanah Kosong	3687.55
Pengangkutan	2420.32
Infrastruktur Dan Utiliti	354.72
Pertanian	6506.30
Hutan	1581.38
Badan Air	1357.59
Pantai	-
JUMLAH	23828.00

Daerah Seberang Perai Selatan

Perumahan	2412.01
Komersial	196.84
Industri	748.71
Pembangunan Bercampur	-
Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	605.00
Tanah Lapang Dan Rekreasi	390.34
Tanah Kosong	2369.58
Pengangkutan	1661.19
Infrastruktur Dan Utiliti	224.25
Pertanian	12682.60
Hutan	1589.27
Badan Air	1709.18
Pantai	-
JUMLAH	24588.96

Tren Pembangunan Guna Tanah Negeri (Perbandingan Tahun 2014, 2015 dan 2016)

Unit GIS PLANMalaysia@Pulau Pinang di bawah Bahagian Kawalan Pembangunan dan Guna Tanah Negeri adalah melaksanakan pembangunan dan pengemaskinian Sistem Maklumat Guna Tanah Negeri. Kerjasama bersama PeGIS dan pelbagai agensi luar secara tidak langsung berupaya memantapkan guna tanah semasa negeri ini.

Tren Pembangunan Guna Tanah Negeri setiap tahun mengalami perubahan penggunaan tanah dalam pelbagai faktor pembangunan seperti, perumahan, komersial dan infrastruktur untuk kemudahan awam. Indikator perubahan dibahagi kepada komponen tepu bina, hutan, badan air dan pertanian/kawasan lapang dari tahun 2014 hingga 2016

JENIS GUNATANAH	2014		2015		2016	
	Keluasan (Hektar)	%	Keluasan (Hektar)	%	Keluasan (Hektar)	%
1. Perumahan	14317.29	13.45	14050.02	13.24	15330.96	14.46
2. Komersial	1724.87	1.62	1658.94	1.56	1916.24	1.52
3. Industri	3957.47	3.72	3940.66	3.71	4059.67	3.83
4. Pembangunan Bercampur	3.35	0.00	1.96	0.00	11.51	0.01
5. Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	4490.64	4.22	4376.18	4.12	4709.92	4.44
6. Tanah Lapang Dan Rekreasi	1329.61	1.25	1212.35	1.14	1611.98	1.39
7. Tanah Kosong	7428.98	6.98	10078.60	9.50	9033.39	8.01
8. Pengangkutan	9508.08	8.93	9210.54	8.68	8267.26	7.80
9. Infrastruktur Dan Utiliti	752.29	0.71	771.98	0.73	902.55	0.85
10. Pertanian	37529.25	35.25	36726.80	34.62	36999.85	34.91
11. Hutan	18266.15	17.16	18783.08	17.70	17716.13	15.78
12. Badan Air	7166.58	6.73	5289.67	4.99	5403.12	5.06
13. Pantai	0.96	0.00	-	-	27.30	0.18
JUMLAH	106475.52	100	106100.79	100	105989.88	100

5.6

MURNInets

Pencapaian Kemampanan Bandar Negeri Pulau Pinang Tahun 2016




Pengenalan Ciri-ciri Baru MURNInets

Penunjuk-penunjuk bandar yang digunakan dalam penyelidikan bandar mampan MURNInets versi baru telah dibahagikan kepada "dimensi" dan "tema". Terdapat 6 dimensi, 21 tema dan 36 penunjuk yang mencerminkan tahap kemampanan bandar dan luar bandar telah dipersetujui.

Kajian Indeks Kebahagiaan diperkenalkan sebagai salah satu penunjuk bandar di bawah tema Kualiti Kehidupan bagi menepati arus pembangunan semasa yang menekankan kesejahteraan komuniti.

Teknik baru analisis Indeks Kemampanan Bandar dengan pemberian pemberat kepada setiap dimensi, tema dan penunjuk.

Kebanyakan sasaran dan piawaian bagi penunjuk yang digunakan telah disesuaikan mengikut hierarki PBT.





Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Peratusan Pencapaian
Dimensi Bagi
Majlis
Bandaraya Pulau Pinang
Dan Majlis
Perbandaran Seberang Perai



Majlis Perbandaran Seberang Perai

Penerbitan Jabatan

Bagi tahun 2016, jabatan telah menghasilkan dan mengeluarkan penerbitan dua (2) buletin dan satu (1) laporan tahunan bertujuan menyampaikan maklumat-maklumat terkini berkaitan pengurusan dan pencapaian jabatan yang berlaku sepanjang tahun 2016.



Buletin Rancang

Terbitan jabatan dikeluarkan secara berkala dua (2) kali setahun merupakan buletin yang menerbitkan maklumat-maklumat yang berkaitan aktiviti semasa jabatan, garis panduan dan manual terbaru Pulau Pinang, maklumat am dan berita semasa, termasuk pemakluman dan pelaporan publisiti(seranta) awam bagi rancangan penajaman dan pelan induk.

Laporan Tahunan

Merupakan pelaporan berkala tahunan mengenai pencapaian jabatan sepanjang tahun 2016 (Keluaran 2017)

The background of the page is a collage of various corporate and community events. It includes images of people in business attire, a group of people in a meeting, and a group of people in a community setting. The collage is overlaid with a dark blue gradient and geometric shapes.

6.0

AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2016



Seminar Lembaga Rayuan Dan Pelancaran e-Rayuan Negeri Pulau Pinang


Selaras dengan 25 tahun pelaksanaan Lembaga Rayuan di Negeri Pulau Pinang, tahun 2016 menjadi sejarah dengan kejayaan PLANMalaysia@Pulau Pinang membangunkan dan merasmikan aplikasi 'e-Rayuan'. Perasmian aplikasi tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang - YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon.

Seminar telah diadakan pada 14 Mac 2016 di Hotel Olive, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Seramai 190 peserta telah menyertai sesi seminar yang melibatkan 4 pembentangan kertas kerja serta sesi panel yang terdiri daripada pengamal-pengamal Lembaga Rayuan dari pelbagai negeri.





Lembaga Rayuan Di Era Baharu Digital





Program Ramah Mesra Ketua Pengarah PLANMalaysia Ke PLANMalaysia@Pulau Pinang

Pada 4 - 5 Mei 2016 yang lepas, PLANMalaysia@Pulau Pinang telah menerima kunjungan daripada YBhg. Dato' Dr. Ketua Pengarah PLANMalaysia - YBhg. Dato' Dr. Dolhani bin Mijan. Lawatan selama 2 hari tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara kakitangan PLANMalaysia@Pulau Pinang dan One Stop Centre (OSC) Pulau Pinang dengan Ketua Pengarah baru di PLANMalaysia.







Konvoi Bermotosikal Ke Cameron Highland, Pahang

Kelab KEJAB (PLANMalaysia@Pulau Pinang) meneruskan delegasi terbaru dengan kembara secara konvoi bermotosikal menuju destinasi tanah tinggi Cameron Highlands sebagai satu lawatan kerja ke Majlis Daerah Cameron Highlands. Aktiviti pra-lasak ini tercetus berikutan wujudnya cabaran dalam kerja harian yang memerlukan tindakan dan kerjasama berpasukan.

Mengambil pendekatan - **bulat air kerana pembentung bulat manusia kerana muafakat**, maka pada 25 - 27 Mac 2016, seramai 25 orang kakitangan jabatan telah mendaftar dan berminat untuk menyertai ekspedisi kembara bermotosikal ke Cameron Highlands. Aktiviti ini bukan sahaja dapat mengimbau kembali nostalgia di era tahun 60an dan 70an tetapi dapat mendisiplinkan fizikal dan mental individu yang terlibat.







Program Penanaman Semula Pokok Bakau

Selaras dengan slogan "Safer, Cleaner, Greener and Healthier Penang", PLANMalaysia@Pulau Pinang telah turut sama di dalam program penanaman semula sebanyak 1,500 anak pokok bakau di kawasan Sungai Acheh di Nibong Tebal, Pulau Pinang. Program adalah merupakan usaha Tetuan Eastern & Oriental Berhad (E&O) di bawah projek penanaman semula pokok bakau syarikat tersebut

Majlis pelancaran diadakan pada 23 Mei 2016 di Pusat Pendidikan Kecil Hutan Paya Laut, Sungai Acheh dan sesi taklimat tersebut juga dihadiri oleh YBhg. Dato' Lim Kee Leng, Pengarah Ladang Hutan dan Perlindungan Bahagian Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; Encik Rusli b. Tahir dan Puan Norlin bt. Ja'far, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Ibu Pejabat). Turut hadir adalah pakar-pakar bakau dari UKM dan wakil-wakil dari agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan termasuk kakitangan dan pegawai PLANMalaysia@Pulau Pinang, Jabatan Pengairan & Saliran Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.





Lawatan Kerja Ke PLANMalaysia@Negeri Sembilan

Pada 29 Mac 2016, seramai 15 orang ahli Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) PLANMalaysia@Pulau Pinang, bersama Jawatankuasa Pengurusan Kaunter dan Aduan Pelanggan telah bersama-sama mengadakan lawatan dan kunjungan hormat ke PLANMalaysia@Negeri Sembilan. Ianya bertujuan untuk mempelajari sistem dan pengurusan kaunter jabatan tersebut setelah memenangi anugerah Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) peringkat Kementerian melalui Counter Service Panel (CSP) yang merupakan sistem dalam pengurusan kaunter.

Selepas mendengar taklimat dan hands-on, wakil PLANMalaysia@Pulau Pinang telah dibawa ke kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Tampin dan disambut oleh Yang Di-Pertua Majlis Daerah Tampin untuk mendengar taklimat berkaitan aktiviti kejurangan hijau melalui projek Kebun Komuniti, selaras dengan peranan JPBD Pulau Pinang sebagai urusetia Jawatankuasa Landskap Negeri. Kami telah di bawa ke kebun komuniti sekitar Tampin dan Gemas untuk mendengar taklimat dan melihat projek-projek yang dijalankan.





Lawatan Kerja Pegawai Ke PLANMalaysia@Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka Ke Pulau Pinang



PLANMalaysia@Pulau Pinang telah menerima kunjungan seramai 25 kakitangan PLANMalaysia@Melaka dan agensi Kerajaan Negeri Melaka pada 21 - 22 April 2016 yang lepas. Tujuan lawatan adalah untuk melihat pengurusan dan kaedah pelaksanaan Subseksyen 5(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Pihak rombongan telah diberikan taklimat khusus berkaitan kaedah dan 'SOP' pelaksanaan pembangunan di Pulau Pinang serta lawatan tapak ke projek-projek pembangunan 'The Light' yang merupakan ikon kepada trend pembangunan terkini di persisiran pantai.



Lawatan Kerja PLANMalaysia@Pulau Pinang Ke Jabatan Warisan, Majlis Perbandaran Taiping (MPT)



Program Lawatan Kerja Ke Jabatan Warisan Majlis Perbandaran Taiping diadakan pada 12 Mei 2016 dan disertai oleh 18 orang peserta. Lawatan Kerja bertujuan untuk perkongsian bersama MPT berkaitan implementasi Rancangan Kawasan Khas Taiping Bandar Warisan yang diwartakan pada 2010. Taklimat disampaikan oleh Wakil Jabatan Warisan MPT Encik Hasmi bin Haji Hasanuddin. Jejak Warisan sekitar Bandar Taiping bersama MPT sepanjang 11.5 km dengan melawati produk-produk warisan iaitu Laluan Pokok Hujan-hujan, Menara Jam, Tasik Taiping, Bangunan Bersejarah, Penjara Taiping, Bukit Larut dan Tugu Peringatan Perang. Heritage Trail akan dilengkapi informasi di setiap *check point*.



Lawatan Ke 5D Art Paradise Museum pekan Taiping dibuat untuk melihat persembahan Lukisan 5D yang menarik serta animasi 5D. Peserta berpeluang bergambar daripada pelbagai dimensi.



Perarakan Maulidur 1438H/2016M Peringkat Negeri Pulau Pinang



Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 12 Disember 2016 bersamaan 12 Rabiul Awal 1438 Hijrah di Padang Kota Lama Pulau Pinang. PLANMalaysia@Pulau Pinang turut menyertai perarakan dan diketuai oleh Encik Basri bin Basir (Ketua Penolong Pengarah) bersama seramai 40 orang kakitangan. Tema yang dibawa oleh jabatan iaitu **"Perancangan Bandar Mengikut SunnahMU, Menuju Al Islam Rahmatun Lil Alamin"**. Aturcara sambutan diteruskan dengan ucapan dan ceramah serta penyampaian Tokoh dan Anugerah sempena Sambutan Maulidur Rasul 1438M/2016H.



Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia, Peringkat Negeri Pulau Pinang Vision Park, Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang



Bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun 2016, PLANMalaysia@Pulau Pinang dengan kerjasama Pertubuhan Perancang Malaysia Cawangan Utara (MIP) telah menganjurkan program '*Make a Pledge, Plant a Tree*' pada 3 Disember 2016. Program ini telah menarik beberapa organisasi, komuniti dan individu supaya turut bersama-sama menanam pokok dan menghijaukan lagi taman-taman awam.

Program ini dirasmikan oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo, Pengerusi MMK Perancang Bandar & Desa dan Perumahan. Turut hadir memberi sokongan YB. Tuan Phee Boon Poh, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar dan YB Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri. Sebanyak 300 anak pokok dari pelbagai spesis telah berjaya ditanam pada hari tersebut.



Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang

Program Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Aplikasi e-Rayuan Negeri Pulau Pinang

Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang telah berjaya mengadakan sebanyak tiga kali program penambahbaikan dan penyelenggaraan Aplikasi e-Rayuan bersama-sama pihak yang berkepentingan iaitu Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri, Jabatan Perancang Bandar Dan Pembangunan Negeri, Jabatan Perancang Bandar (MBPP), Jabatan Undang-Undang MBPP, Jabatan Perancang Bandar Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Undang-Undang MPSP.

Tujuan program ini adalah untuk memastikan pelaksanaan Sistem e-Rayuan yang lebih lancar dan teratur sejak dilancarkan pada 14 Mac 2016. Sehingga November 2016 sebanyak 24 permohonan kes rayuan yang diproses melalui atas talian iaitu e-Rayuan. Maklumat lanjut boleh melayari <https://erayuan.penang.gov.my/index.php>.



Lawatan Majlis

Pertandingan Alor Gajah, Melaka

Lawatan Majlis Perbandaran Alor Gajah ke Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang dijadualkan pada 22 September 2016 (Khamis). Tujuan lawatan adalah untuk Menghadiri Sesi Prosiding Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang di Dewan Persidangan Lembaga Rayuan Tingkat 57 KOMTAR.



Lawatan Majlis

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) peringkat Ibu Pejabat ingin mengadakan satu mesyuarat ringkas bersama Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang. Antara perkara yang ingin dibincangkan adalah berkenaan dengan proses /flow di lembaga rayuan, perkara/kes yang boleh didaftarkan, bilangan kes-kes yang dibicarakan dan beberapa perkara lain. Perbincangan ini telah diadakan pada 12 Ogos 2016, jam 3.00 petang bertempat di bilik mesyuarat PLANMalaysia@Pulau Pinang Tingkat 57 KOMTAR.



Simposium 4th. Annual Township Development di Goodwood Park Hotel, Singapura, 16-17 Mac 2016

Kerajaan Negeri yang kini dalam proses melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang tujuan pembinaan bandar pintar dengan kemudahan infrastruktur Negeri Pulau Pinang yang inklusif. Sehubungan itu, penyertaan delegasi Pulau Pinang ke *4th Annual Township Development* dapat dijadikan sebagai panduan dan dapat menimba pengalaman baru dari negara-negara luar. Seminar telah diadakan di Goodwood Park Hotel, Singapura pada 16-17 Mac 2016. Pembentangan kertas kerja melibatkan pembentang-pembentang dari Malaysia, Australia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Hong Kong.



Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan (RKJ)

Mesyuarat RKJ telah diadakan pada 20-22 Disember 2016 bertempat di Sungai Petani Inn, Kedah. Antara aktiviti program-program yang berlangsung adalah seperti berikut :-

- Pembentangan Pencapaian SKT tahun 2016.
- Penyediaan dan Pembentangan SKT, Kewangan dan Taqvim Tahun 2017.
- Mesyuarat Rancangan Korporat PLANMalaysia@Pulau Pinang.
- Perbincangan dan Pembentangan Program Pengukuhan / Penstrukturan Semula Penjawatan dan Organisasi Jabatan.
- Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (JKSP)
- Makan Malam Majlis Penghargaan Kakitangan PLANMalaysia@Pulau Pinang yang bertukar





Bengkel Kajian Semula RSNPP 2020

Bengkel, Taklimat Dan Perbincangan Kemajuan Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 Bil.3/2016 telah berjaya dijalankan pada 20 September 2016 (Selasa) bertempat di Hotel Cititel Penang.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Pengerusi MMK Perancang Bandar & Desa dan Perumahan, YB Tuan Jagdeep Singh Deo, YB Dato Law Choo Kiang (Speaker ADUN Negeri Pulau Pinang), YB-YB ADUN, Wakil KADUN, Ketua Jabatan, Wakil Jabatan dan wakil-wakil PLANMalaysia@Pulau Pinang.

Bengkel ini dipengerusikan sendiri oleh YBhg. Dato' TPr. Haji Mohd Anuar Bin Maidin, Pengarah PLANMalaysia. Kehadiran keseluruhan seramai 80 peserta termasuk pihak perunding yang menjalankan Kajian Semula RSNPP 2020 (SD Reka dan Green Acres Studio Sdn. Bhd.)



Publiti Laporan Tinjauan Kajian Semula RSNP 2020

PROGRAM PUBLISITI

Program publiti diadakan bermula daripada 1 Disember 2016 - 31 Januari 2017 bagi menggalakkan orang awam terlibat sama atau melaksanakan inisiatif *public engagement* dalam menyediakan rancangan pemajuan. Penglibatan ini adalah bagi membantu pihak kerajaan mengenalpasti isu-isu dan peluang-peluang masa kini dan akan datang bagi Negeri Pulau Pinang. Input atau pandangan orang awam ini akan dibentangkan dan didengari di peringkat Jawatankuasa Pendengaran Awam yang dibentuk sebelum diambilkira dalam penyediaan Draf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSN PP 2030).





PLANMalaysia@Pulau Pinang Di Hari Inovasi PLANMalaysia

Jabatan diketuai oleh Encik Annai Minsai bersama-sama kumpulan SPRINT dan kumpulan HALUAN KIRI termasuk wakil fotografi kreatif juga telah turut serta dalam pertandingan Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia bagi tahun 2016.

Kumpulan SPRINT diwakili oleh Shukor, Sharmiza, Armilia dan Shukri. Kumpulan Haluan Kiri diwakili oleh Sobri, Najmi, Zuhriamri, Nor Latifah dan Fairos. Manakala fotografi diwakili oleh Farid dan Rostan.

Sambutan Hari Inovasi diadakan pada 8 September 2016 bertempat di Dewan Kristal, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.



Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang



Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016 telah diadakan bertempat di Ruang Pameran, Komtar pada 25 Oktober 2016.

Encik Abd Talib bin Abd Rahman dan Puan Nurliza binti Bustamam telah memenangi tempat ketiga bagi kategori Peraduan 'Innovation Blast' Peringkat Negeri Pulau Pinang 2016.



Program Team Building Di Pusat Rekreasi Kolam Air Panas Ulu Legong, Baling, Kedah



JPBD Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif untuk mengukuhkan dan memperkasa semangat kerja berpasukan di kalangan kakitangan melalui program 'Team Building' pada 3-5 September 2016. Lokasi program bertempat di Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong, Daerah Baling, Kedah dan telah disertai oleh 31 orang kakitangan PLANMalaysia@Pulau Pinang.





Pembarisan Hari Kemerdekaan Ke 59 Peringkat Negeri Pulau Pinang

31 Ogos 2016, PLAN Malaysia @ Pulau Pinang telah menyertai perarakan sempena Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Pulau Pinang yang ke 59 tahun di Padang Kota Lama, Pulau Pinang. Kontinjen yang terdiri daripada 42 orang peserta diketuai oleh En. Talip bin Abdul Rahman. Majlis Sambutan kemerdekaan turut disertakan dengan persembahan deklarasi sajak kemerdekaan dan nyanyian lagu-lagu kenegaraan. Majlis Perarakan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini disertai oleh kontinjen-kontinjen yang terdiri daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan, Swasta, IPTA dan IPTS dan Badan-Badan bukan Kerajaan (NGO). Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang T.Y.Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas dan Y.A.B Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang), Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), ADUN-ADUN, Ketua-Ketua Jabatan dan tetamu-tetamu kehormat menyaksikan acara pembarisan yang berlangsung di Padang Kota Lama, George Town.





Rumah Terbuka Aidilfitri JPBD Pulau Pinang 2016

PLANMalaysia@Pulau Pinang mengambil kesempatan di bulan Syawal dengan mengadakan rumah terbuka pada 28 Julai 2016. Segala persiapan dan hiasan majlis dijalankan secara gotong-royong oleh kakitangan jabatan yang berkonsepkan "Arabian Night".

Kemeriahan rumah terbuka jabatan diserikan lagi dengan kehadiran VIP-VIP iaitu YB, Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon, YB, Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, YB, Phee Boon Poh, Ketua-ketua Bahagian SUK Negeri, Pengarah Jabatan dan kakitangan jabatan lain.

Di Majlis yang sama jabatan telah mengadakan majlis 'Jasamu Dikenang' kepada Cik Nina Izurin binti Yahya, Puan Norsuriani binti Suliman, Puan Asmaliza binti Shahidan dan Puan Zuraida binti Zakaria. Serta pemberian hadiah pemenang logo kelab terbaik kepada Encik Fadzli bin Ahmad.





Pemenang logo terbaik Encik Fadzli bin. Ahmad,
sempena Pertandingan Logo Ketab JPPB Pulau Pinang

Puan Norsuriana bt.
Suliman

Encik Nurulzaimi bt.

Puan Asmaliza bt.
Shahidan

Allahyarhamah
Puan Zuraida bt.
Zakaria




“Family Happy Butarey Di Hari Keluarga PLANMalaysia@Pulau Pinang

Bertemakan “Family Happy Butarey” Hari Keluarga JPBD Pulau Pinang telah diadakan pada 29 dan 30 Oktober 2016 bertempat di Cinta Sayang Resort dan The Carnival Water Park, Sungai Petani, Kedah.

Program yang diadakan bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim sesama keluarga PLANMalaysia@Pulau Pinang. Justeru itu, pengisian hari keluarga kali ini menerapkan aktiviti kerohanian dan sukan rekreasi. Seramai 42 keluarga telah menyertai program “family Happy Butarey” yang dianjurkan oleh Kelab KEJAB(PLANMalaysia@Pulau Pinang tahun 2016.

Penganjuran program hari keluarga dibahagi kepada dua (2) sesi iaitu hari keluarga diadakan pada siang hari dengan pelbagai acara-acara keluarga berserta hadiah-hadiah yang menarik. Manakala di malam hari diadakan Majlis Jamuan Makan Malam PLANMalaysia@Pulau Pinang dan dimeriahkan lagi cabutan-cabutan bertuah kepada kakitangan.





Konvoi Bermotosikal Go Go Krabi Dan Phuket, Thailand

Di bawah aktiviti Kelab KEJAB PLANMalaysia@Pulau Pinang), konvoi pemotoran kini diperluaskan ke negara jiran di utara tanah air Malaysia dari 24 - 28 September 2016. Perjalanan bermotor dari Pulau Pinang ke Krabi sejauh 466 km mengambil masa lebih kurang 8 jam dan perjalanan dari Krabi ke Phuket pula sejauh 183 km mengambil masa selama 4 jam 30 minit.

Seramai 10 peserta ahli Kelab KEJAB telah mengambil bahagian dalam Konvoi pemotoran ini yang menelan kos sebanyak RM9,880.00 di bawah tanggungan masing-masing. Para peserta yang terlibat adalah Rosli bin Haron, Mohd Khairi bin Mat Yasin, Abd Rahman bin Bakar, Anuar bin Rawi, Nurul Akmal Hafiz bin Nuruddin, Mohd Fazli bin Ahmad, Mohd Sobri bin Mohd Nor, Shahrizal bin Jamaludin, Norazi bin Ismail dan Muhammad Saufee bin Mohammad Saad. dan Muhammad Najmi bin Salim.





Pertandingan Bowling Ukhwah

PLANMalaysia@Pulau Pinang

Pertandingan bowling anjuran Biro Sukan Kelab KEIAB (PLANMalaysia@Pulau Pinang) telah diadakan pada 18 November 2016 bertujuan untuk menggalakkan sukan secara *indoor* disamping dapat mengeratkan perhubungan ukhwah di kalangan ahli-ahli Kelab Jabatan.

Pertandingan ini mendapat sambutan yang memberangsangkan di mana seramai 33 peserta jabatan telah mendaftar untuk mengambil bahagian. Sebanyak 11 kumpulan telah dipertandingkan di mana setiap kumpulan terdiri dari 3 peserta.

Pemenang-pemenang diadili berdasarkan 4 kategori pertandingan iaitu kategori berkumpulan, kategori *high score*, kategori *high game* dan kategori *high score* wanita.





LAPORAN TAHUNAN

PLANMalaysia@Pulau Pinang
(Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang)

